

24/05/2003

Pengunduran dua L, bonus tajuk utama

Teh Kean Kiat; Magendran Rajagopal

PERALIHAN kuasa yang berlaku dalam MCA diharap dapat mewujudkan peluang baru bagi pemimpin mudanya untuk bersatu-padu semula dalam parti berkenaan.

Akhbar berbahasa Cina yang memberi tumpuan kepada peletakan jawatan Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, dan timbalannya, Datuk Seri Lim Ah Lek, menyarankan tidak harus wujud dua puak berbeza kerana ia hanya akan melemahkan parti.

Nanyang Siang Pau kelmarin berpendapat, sekarang adalah masa dan peluang terbaik bagi Dr Ling melepaskan jawatannya memandangkan tempoh beliau memegang jawatan nombor satu dalam parti itu adalah yang paling lama dalam sejarah MCA di samping sudah melaksanakan tugasnya dengan baik.

Dua Naib Presiden, Datuk Seri Ong Ka Ting dan Datuk Chan Kong Choy, yang pernah menerima pendidikan Cina serta mempunyai hubungan rapat dengan masyarakat Cina disifatkan sebagai pemimpin berkebolehan untuk mengambil alih.

Pengunduran Lim yang digantikan oleh Chan dalam Kumpulan B MCA menyerlahkan sifat bertolak ansur manakala pengunduran Dr Ling sebagai Menteri Pengangkutan akan memberi peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin baru.

Justeru, pelan damai yang diwujudkan adalah formula 'menang-menang' yang memberi ruang kepada ahli Kumpulan A dan B dalam parti itu untuk meningkat.

Dalam mana-mana organisasi demokratik, kata akhbar itu, pemimpin yang terpilih harus bertanggungjawab untuk berkorban kepada rakyat dan negara dengan setiap ahlinya harus mematuhi semangat demokrasi supaya organisasi itu dapat terus maju.

Kelmarin, Nanyang Siang Pau melaporkan laman web MCA ([www.mca.org.my](http://www.mca.org.my)) menyiarkan temuramah khas dengan Ong yang dibahagikan kepada empat bahagian, khasnya dalam memperkenalkan latar belakangnya, tugas penting terhadap parti dan negara serta sumbangannya ketika memegang jawatan Setiausaha Parlimen hingga ke Timbalan Menteri.

Laporan khas itu turut memuatkan kejayaan Ong sejak tiga tahun lalu, pandangannya terhadap krisis dalaman parti dan penghargaan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, pemberian bonus setengah bulan gaji kepada kakitangan kerajaan serta insentif pinjaman dalam bentuk mikro kredit sebanyak RM1 bilion kepada peniaga serta usahawan kecil menjadi berita muka depan Tamil

Nesan (Nesan) dan Malaysia Nanban (Nanban), kelmarin.

Kedua-dua akhbar menyifatkan pakej strategi baru bernilai RM7.3 bilion

untuk membantu negara menghadapi ketidakpastian global dan membantu sektor yang terjejas berikutan wabak Sindrom Pernafasan yang Teruk (SARS) serta peperangan di Iraq itu sebagai tepat pada masanya.

Nesan berpendapat langkah itu membuktikan keprihatinan kerajaan yang merangka 87 langkah untuk menggalakkan pelaburan swasta, memperkukuhkan daya saing negara, menjana punca pertumbuhan baru dan meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian kerajaan dan swasta selain mengatasi SARS.

Nanban pula mengalu-alukan pelancaran projek Harapan (Harapan Rakyat Memiliki Perumahan) yang menyediakan subsidi bagi pinjaman perumahan selain memperkenalkan kadar faedah lebih menarik serta pengecualian cukai pembelian rumah dalam lingkungan harga tertentu.

Berita mengenai kemungkinan muncul akhbar harian bahasa Tamil yang ketiga selepas Nesan dan Nanban turut dilaporkan oleh kedua-dua akhbar berkenaan. Difahamkan penerbitannya akan dibiayai Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) pimpinan Datuk M Kayveas.

Kedua-dua akhbar terbabit menganggap kemunculan saingan baru itu sebagai satu perkembangan positif dalam dunia surat khabar berbahasa Tamil tempatan kerana memberi lebih pilihan kepada pembaca, sekali gus mendorong penghasilan mutu laporan yang lebih baik.

Akhbar baru itu dijangka beroperasi menggunakan permit baru atau menghidupkan semula permit milik sebuah akhbar yang sudah muflis, Tamil Osai, yang ditutup beberapa tahun lalu tetapi permitnya masih lagi sah.

Nesan juga melaporkan kenyataan Pesuruhjaya Tinggi India ke Malaysia, Veena Sikri, bahawa hubungan India-Malaysia yang terganggu sejak kebelakangan ini masih boleh diperbaiki berikutan kesediaan kedua-dua pihak bertolak ansur dan mengadakan rundingan.

Veena dipetik sebagai berkata, kerjasama dua hala harus dipertingkatkan secepat mungkin supaya kedua-dua negara lebih bersedia mengharungi kemerosotan ekonomi dunia.

Nesan dan Nanban juga memperingati ulang tahun ke-24 kematian bekas Presiden MIC, Tun VT Sambanthan - menteri Kabinet berketurunan India yang pertama selepas merdeka.

Nesan menyiarkan kompilasi komen mengenai Sambanthan daripada tokoh penting pada zaman mendiang, termasuk bekas Ketua Hakim Negara, Tun Mohamed Suffian Hashim, bekas Perdana Menteri, Almarhum Tengku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan Allahyarham Tun Hussein Onn selain Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu.

Komen berkenaan dibuat 24 tahun lalu, iaitu pada 18 Mei 1979, hari Sambanthan meninggal dunia, beberapa tahun selepas bersara sebagai Presiden MIC.